

20 JUL 1999

Abdullah-Pensyarah

PENSYARAH UNIVERSITI BAHAYAKAN KESELAMATAN NEGARA AKAN DIAMBIL TINDAKAN

KUCHING, 20 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri hari ini memberi amaran bahawa tindakan akan diambil terhadap pensyarah universiti yang menghasut pelajar sehingga membahayakan keselamatan negara.

Tindakan meracuni pemikiran pelajar tidak termasuk dalam bidang tugas mereka sebagai pendidik di universiti, katanya.

"Kita mengharapkan pensyarah berkongsi ilmu dengan pelajar agar kita dapat melahirkan rakyat yang baik untuk membangunkan negara.

"Kalau hendak berikan kesedaran, ada lagi subjek yang lebih baik seperti mengamalkan sikap bertanggungjawab, akhlak mulia supaya akan-anak kita mendapat kelulusan tinggi yang diperlukan untuk membangunkan negara," kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada persidangan media di sini di akhir lawatan dua hari beliau ke Sarawak.

Beliau mengukus kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai tindakan beberapa pensyarah di universiti di negara ini yang cuba meracuni pemikiran penuntut, semasa mengajar.

Beliau berkata Kementerian Pendidikan diminta lebih kerap menjenguk pelajar universiti bagi membendung gejala tidak sihat yang dilakukan oleh para pensyarah yang tidak bertanggungjawab ini.

Katanya kesempatan berpolitik tetap terbuka untuk sesiapa sahaja tetapi bagi yang sedang belajar biarlah mereka menumpukan sepenuh perhatian kepada bidang pelajaran dahulu.

"Kita mengharapkan tenaga kerja yang berpengetahuan tinggi. Kalau dari awal lagi sudah disemai dengan perasaan anti kerajaan dan anti pembangunan...ini tidak baik," kata Abdullah.

Semasa mengulas komen Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang tidak menggalakkan wanita cantik bekerja, Abdullah berkata kerajaan PAS kini anti-wanita dan kenyataan terbaru Nik Aziz itu menunjukkan parti pembangkang itu sudah merapu dengan mengeluarkan kenyataan yang tidak munasabah.

Katanya wanita cantik harus dididik berkelakuan baik dalam pergaulan dan bukan didiskriminasi sehingga tidak mengambil mereka bekerja.

"Yang pentingnya kita harus didik mereka (wanita cantik) supaya mereka berkelakuan baik. Lepas itu pergilah ke mana...selamat," katanya.

Mengenai kedatangan presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ke Sarawak yang dijadualkan akhir bulan ini, beliau berkata parti itu tidak akan mendapat sambutan di sini.

-- BERNAMA

MT RON